

28 JUL 1997

SPEKULATOR MATA WANG TIDAK BOLEH DIBIARKAN

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Presiden Zimbabwe Robert Mugabe hari ini berkata mereka yang terbabit dalam serangan spekulatif mata wang terutama terhadap mata wang negara-negara membangun tidak boleh diberi tempat dalam industri kewangan.

Sambil menyifatkan tindakan mereka sebagai "penyangak", Mugabe berkata mereka "tidak boleh diberi ruang dalam sistem dan tidak boleh diberi muka".

"Mereka cuba mengkucar kacirkan sistem kewangan dan mereka tidak boleh dibenarkan melakukannya, walau sekaya manapun mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri dialog Forum Kedua pada Dialog Antarabangsa Langkawi di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata usaha kolektif perlu dijalankan untuk memerangi spekulator mata wang berikutan serangan spekulatif hebat terhadap mata wang Asean.

Mugabe berkata para spekulator itu hanya menjalankan aktiviti dalam lingkungan sistem kewangan negara lain tetapi tidak melakukannya dalam sistem kewangan negara sendiri.

"Tetapi kenyataannya ialah perniagaan kewangan mempunyai keupayaan untuk mengkucar kacirkan sistem," katanya.

Mugabe mencadangkan supaya satu mekanisme diwujudkan bagi membolehkan para pakar mengkaji aspek kewangan dan perundangan supaya masalah itu dapat dikekang.

-- BERNAMA

RV AHH